

13 FEB 2001

Sultan-Pelajar

KEMISKINAN PELAJAR DI GUA MUSANG DAPAT PERHATIAN SULTAN KELANTAN

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Masalah kemiskinan yang dihadapi oleh para pelajar tiga sekolah menengah di Gua Musang sehingga menyebabkan mereka gagal menjelaskan yuran peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajar Malaysia (SPM) turut mendapat perhatian Sultan Kelantan.

Pembantu Khas kepada Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, Ahmad Shabery Chik berkata Sultan Kelantan akan berangkat ke Gua Musang dalam masa terdekat bagi menyampaikan sendiri sumbangan peribadi baginda kepada para pelajar berkenaan.

Beliau berkata isu kemiskinan yang menyebabkan 600 pelajar tiga sekolah di jajahan itu gagal menjelaskan yuran peperiksaan telah dibangkitkan dalam mesyuarat Umno bahagian Gua Musang pada 3 Feb lepas.

"Masalah ini adalah sebahagian daripada banyak lagi masalah lain yang timbul akibat kejatuhan harga komoditi yang melanda penduduk Gua Musang, negeri Kelantan dan di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan.

Dengan itu, katanya beberapa langkah jangka pendek telah diambil bagi menangani masalah itu termasuk mendapatkan bantuan kewangan daripada orang perseorangan dan badan korporat.

Tengku Razaleigh turut menyatakan komitmen beliau untuk menampung jumlah wang yang dikumpulkan bagi mengatasi beban pelajar berkenaan, katanya.

Semalam sebuah akhbar melaporkan sebanyak 600 pelajar di tiga sekolah menengah di Gua Musang -- Sekolah Menengah (SM) Paloh, SM Bandar Chiku dan SM Sungai Asap -- mungkin tidak dapat menduduki peperiksaan PMR dan SPM kerana masih gagal membayar yuran akibat kemiskinan.

Berikutan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

-- BERNAMA

AKT AZZ RHM